

04 MAR 2001

Pastrana-Berlepas

PRESIDEN COLOMBIA BERLEPAS KE INDIA SELEPAS TAMAT LAWATAN EMPAT HARI

SEPANG, 4 Mac (Bernama) -- Presiden Colombia Andres Pastrana Arango hari ini berlepas ke India selepas menamatkan lawatan kerja selama empat hari ke Malaysia.

Beliau yang ditemani isterinya, Nohra Puyana dan rombongan berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, hari ini.

Menteri Pengiring Datuk Law Hieng Ding dan Timbalan Menteri Luar Datuk Leo Michael Toyad berada di KLIA untuk mengucapkan selamat jalan kepada tetamu negara itu.

Sebelum itu pada sebelah pagi tadi, Pastrana telah mengadakan lawatan ke Felda Semenchu di Kota Tinggi, Johor yang turut diiringi oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Sepanjang lawatan empat harinya, Pastrana telah mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya selain menyaksikan majlis menandatangani perjanjian untuk mengeratkan kerjasama dua hala antara kedua-dua negara.

Pastrana juga berucap pada persidangan anjuran bersama Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) dan Kedutaan Colombia serta turut melawat menara berkembar Petronas.

Semalam Pastrana serta rombongan melawat ladang kelapa sawit United Plantations di Teluk Intan, Perak, sebelum menerima kunjungan perpisahan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di hotel penginapannya.

Semasa lawatannya, Pastrana telah meminta Malaysia membantu negara itu menanam kelapa sawit secara besar-besaran dalam usaha menghapuskan tanaman "coca" yang menjadi pendapatan bagi rakyat miskin negara itu dan menjadi sumber utama heroin dunia.

-- BERNAMA

AT AR PR